

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACO - 0436
INVC...ms. 2/8/01

PENGHASILAN DAN PENILAIAN
MODUL PENGAJARAN KENDIRI (MPK)
BAGI KLINIK PEMULIHAN
BAHASA INGGERIS

Rosniza Bte. Rahmat

Dissertasi Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Keperluan Untuk Ijazah
Sarjana Pendidikan

1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A510304600

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menghasilkan modul-modul pengajaran sendiri untuk kegunaan klinik pemulihan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Modul-modul telah dihasilkan mengikut model reka bentuk pengajaran Dick and Carey. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang pelajar dan empat orang guru Bahasa Inggeris. Instrumen kajian terdiri dari: borang penilaian kesesuaian modul pengajaran sendiri; temu bual berstruktur dan ujian pencapaian (praujian dan pascaujian). Modul-modul yang dihasilkan telah diuji dalam empat langkah: penilaian kesesuaian oleh pakar; ujian satu dengan satu; ujian kumpulan kecil; kajian rintis. Data dari semua sumber sentiasa dibanding dan ditriangulasikan menggunakan kedua-dua pendekatan induktif dan deduktif. Kronologi proses penghasilan dan penilaian modul-modul pengajaran sendiri untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris telah didokumentasikan. Penilaian kesesuaian modul oleh pakar mendapati kedua-dua modul yang dihasilkan memiliki status sangat sesuai untuk digunakan untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Dalam kajian rintis, para pelajar telah diberikan ujian rujukan kriteria sebelum dan selepas penggunaan modul-modul. Keberkesanan kedua-dua modul telah dianalisis dengan ujian-t sampel berpasangan. Keputusan-keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara praujian dan pascaujian pada paras 0.05 (bagi kedua-dua modul). Ini menunjukkan bahawa penggunaan kedua-dua modul pengajaran sendiri membantu (sehingga takat yang tertentu) meningkatkan prestasi para pelajar. Hasil temubual berstruktur dan pemerhatian tanpa penyertaan membuktikan bahawa terdapat unsur-unsur keselesaan, keyakinan dan keseronokan dikalangan para pelajar ketika menggunakan modul-modul yang dihasilkan. Guru-guru yang terlibat dalam penghasilan modul-modul ini berhasrat untuk menggunakan pendekatan yang sama dalam menghasilkan modul mereka sendiri.

THE DEVELOPMENT AND EVALUATION OF SELF-INSTRUCTIONAL MODULES FOR THE ENGLISH REMEDIAL CLINIC

ABSTRACT

The purpose of this study was to develop self-instructional modules for the English remedial clinic of Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. The modules were developed based on the Dick and Carey (1985) instructional design model. The participants of this study included four English teachers and thirty students of Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Research instruments consist of: self-instructional module evaluation form, structured interviews and achievement tests (pre and post tests). The modules were tried out in four steps: evaluations by the subject-matter experts, one-to-one testing, small group testing and pilot testing. Data from all these resources was constantly compared, contrasted and triangulated using both inductive and deductive approaches. Chronological processes of the development and evaluation of the modules have been documented. Evaluations by the subject-matter experts showed that the modules were very suitable to be used in the English remedial clinic of Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. In the pilot test, students were given criterion-reference tests before and after using the modules. The paired sample t-test revealed that there was significant difference between the pretest and the post-test at the level of 0.05 (for both modules). This showed that the students' performance had been raised significantly through the use of the self-instructional modules. Structured interviews with the students and non-participant observations indicated that there were elements of comfort, confidence and excitement among the students while using the modules. Structured interviews with the teachers revealed that they intended to produce their own self-instructional module using the same approach.

PENGHARGAAN

Syukur kepada ALLAH S.W.T. yang mengizinkan disertasi ini disempurnakan. Kepada ayahanda Rahmat, Bonda Zainon, Abang (Major sponsor) dan Cik Pah: terima kasih yang tidak ada penghujungnya. Untuk Raihan dan Ridhuan: semoga satu hari nanti menghasilkan disertasi sendiri.

Disertasi ini dihasilkan dengan nasihat dan tunjuk ajar daripada Professor Madya Dr. Raja Maznah Bt. Raja Hussain. Terima kasih kepada beliau dan semua pensyarah yang memberikan ilmu.

Atas segala sokongan, bantuan dan nasihat dari rakan-rakan guru dan anak-anak generasi Voc-Tech Kuala Klawang, "TERIMA KASIH". Khas buat Rozie, Sue, Ana, Afie, Ita, Zaidah, Baljit, Zuriati dan semua rakan-rakan yang memberikan sokongan dan bantuan: semoga mendapat apa yang dicita-citakan.

Sekian,
ROSNIZA BTE RAHMAT,
U.M, 1999.

ISI KANDUNGAN

Muka surat

1. Senarai Gambarajah.....	i
2. Senarai Jadual.....	ii
3. Bab 1: Pendahuluan	
Pengenalan.....	1
Latar belakang klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK.....	3
Pernyataan masalah.....	11
Tujuan kajian.....	13
Persoalan kajian.....	14
Kepentingan Kajian.....	15
Kerangka teori bagi penghasilan modul	17
Peristilahan.....	22
Batasan kajian.....	28
4. Bab 2: Sorotan Penulisan dan Kajian Lampau	
Pengenalan.....	30
Perkembangan Pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia.....	31
Masalah pendidikan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di Malaysia.....	34
Pendidikan pemulihan.....	37
Pengajaran individu.....	43
Sejarah perkembangan pengajaran individu... ..	44
Pengajaran terancang.....	45
Modul sebagai pengajaran individu.....	47
Teori pembelajaran.....	49
Teori pembelajaran Behavioris.....	49
Teori syarat-syarat pembelajaran.....	52
Teori motivasi.....	54
Reka bentuk sistem pengajaran.....	56
Model Dick dan Carey (1985).....	60

Model seels dan Glasgow (II)	62
Fasa-fasa am dalam reka bentuk pengajaran.....	63
Kajian Berhubung penghasilan bahan-bahan dan modul pengajaran sendiri dalam pengajaran.....	66
Ringkasan.....	70
5. Bab 3: Metodologi	
Pengenalan.....	72
Latar belakang sekolah.....	73
Subjek kajian.....	74
Instrumen kajian.....	76
Borang penilaian.....	76
Ujian pencapaian.....	78
Temubual.....	80
Pemerhatian tanpa penyertaan.....	81
Prosedur penghasilan modul pengajaran sendiri.....	82
Peringkat 1:Mengenalpasti matlamat.....	83
Peringkat 2:Analisis pengajaran.....	85
Peringkat 3:Mengenal pasti keakuan masuk dan ciri pelajar.....	86
Peringkat 4:Menulis objektif kelakuan.....	87
Peringkat 5:Membina item-item ujian	92
Peringkat 6: Membina strategi pengajaran.....	93
Peringkat 7:Mengembangkan dan memilih bahan-bahan pengajaran.....	98
Peringkat 8:Penilaian formatif.....	101
Penilaian oleh pakar.....	101
Ujian satu dengan satu.....	102
Ujian kumpulan kecil.....	109
Kajian rintis.....	111
Analisis data.....	114

6. Bab 4: Analisis Dapatan

Pengenalan.....	118
Dapatan kajian.....	118
Persoalan kajian 1	
Kronologi proses penghasilan MPK.....	121
Persoalan kajian 2	
Borang penilaian kesesuaian MPK.....	133
Respons temubual berstruktur dengan	
Pelajar.....	136
Persoalan kajian 3.....	153
Persoalan kajian 4.....	157
Ujian kumpulan kecil.....	157
Kajian rintis.....	160
Persoalan kajian 5.....	164
Lain-lain dapatan kajian.....	167

7. Bab 5: Kesimpulan

Pengenalan.....	169
Ringkasan dapatan kajian dan perbincangan.....	171
Implikasi dapatan kajian.....	180
Cadangan-cadangan bagi kajian susulan.....	182
Kesimpulan.....	185

8. Rujukan-Rujukan

9. Lampiran

- Lampiran 1: Temubual berstruktur rasional penghasilan MPK bagi klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK
- Lampiran 2: Temubual berstruktur pengetahuan guru tentang ISD dan penghasilan MPK serta persepsi guru terhadap proses penghasilan MPK.
- Lampiran 3: Temubual berstruktur maklumat diri dan masalah pelajar

- Lampiran 4: Borang penilaian kesesuaian MPK bagi klinik Bahasa Inggeris SMTKK.
- Lampiran 5: Temubual berstruktur persepsi pelajar tentang MPK bagi klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK.
- Lampiran 6: Proposal
- Lampiran 7: Laporan analisis keperluan
- Lampiran 8: Plan tindakan
- Lampiran 9: Modul 1-Subject-verb agreement
- Lampiran 10: Modul 2-Tenses

SENARAI GAMBARAJAH

i

Muka surat

1. Model Rowntree: Pendekatan sistem dalam mereka bentuk kursus/ Pelajaran.....	59
2. Model Dick dan Carey (1985).....	61
3. Model ISD (II) Seels dan Glasgow (1997).....	66
4. Contoh objektif pembelajaran bagi modul 1, muka surat 6.....	94
5. Contoh nota kecil bagi modul 1, muka surat 7.....	95
6. Contoh nota modul 1, muka surat 7.....	96
7. Contoh menu kecil bagi modul 1.....	99
8. Contoh menu kecil bagi modul 2.....	100
9. Modul 1, muka surat 7 sebelum pindaan.....	104
10. Modul 1, muka surat 7, selepas pindaan.....	105
11. Modul 1, muka surat 7, sebelum pindaan.....	106
12. Modul 1, muka surat 7, selepas pindaan.....	106
13. Modul 2, muka surat 36, sebelum pindaan.....	107
14. Modul 2, muka surat 36, selepas pindaan.....	108
15. Kedudukan alat perakam video sewaktu klinik pemulihan.....	114

SENARAI JADUAL

Muka surat

1. Pencapaian kertas Bahasa Inggeris 1322/1119 peperiksaan SPM(V) 1997 dan 1998,SMTKK.....	5
2. Peringkat status kesesuaian MPK.....	78
3. Ringkasan kronologi proses penghasilan dan penilaian MPK.....	129
4. Penilaian modul pengajaran sendiri oleh guru.....	134
5. Perasaan pelajar sebelum menggunakan modul pengajaran sendiri.....	137
6. Persepsi pelajar terhadap objektif pembelajaran MPK.....	140
7. Persepsi pelajar terhadap ilustrasi di dalam modul.....	142
8. Pendapat pelajar tentang keberkesanan nota-nota sampingan dalam MPK.....	144
9. Pendapat pelajar tentang bahasa penyampaian MPK.....	145
10. Pendapat pelajar tentang keseronokan menggunakan MPK.....	148
11. Min dan sisihan piawai skor praujian dan pascaujian untuk modul 1 bagi ujian kumpulan kecil.....	158
12. Min dan sisihan piawai skor praujian dan pascaujian untuk modul 2 bagi ujian kumpulan kecil.....	159
13. Keputusan ujian-t antara skor praujian dan pascaujian modul 1 dan modul 2.....	160
14. Min dan sisihan piawai skor praujian dan pascaujian untuk modul 1 bagi kajian rintis.....	161
15. Min dan sisihan piawai skor praujian dan pascaujian untuk modul 2 bagi kajian rintis.....	162
16. Keputusan ujian-t antara skor praujian dan pascaujian modul 1 dan modul 2.....	163

Bab 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Walaupun Bahasa Malaysia merupakan bahasa rasmi rakyat Malaysia namun, Bahasa Inggeris turut memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial. Dalam menuju alaf baru dengan penumpuan yang lebih di bidang teknologi maklumat, pengetahuan dan kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris banyak membantu individu di negara ini dalam meningkatkan diri dan kerjaya. Justeru itu, Bahasa Inggeris menjadi semakin penting di Malaysia.

Memandangkan kepentingan Bahasa Inggeris, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan mutu Bahasa Inggeris para pelajar di seluruh negara. Antara usaha kerajaan yang terkini ialah perlaksanaan peperiksaan kertas Bahasa Inggeris format baru 1322/1119 peringkat SPM(V) pada tahun 1997 yang lalu.

Pelbagai inovasi pendidikan telah diusahakan terutama oleh pihak swasta untuk membantu peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar. Buku-buku kerja dan pelbagai CD-ROM pendidikan keluaran tempatan dan luar negara mula membanjiri pasaran tempatan. Kemudahan